

04/02/2004

Promosi candat sotong tarik pelancong: Dr M

LANGKAWI: Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad mencadangkan aktiviti mencandat sotong yang popular di kalangan penduduk tempatan ditonjolkan sebagai produk pelancongan terbaru kepada pelancong ke pulau ini.

"Semalam saya menaiki bot mencandat sotong dekat Pantai Chenang dari jam 11 malam hingga 3 pagi. Saya dapati di situ ada lebih 100 bot turut mencandat sotong, macam sebuah bandar diterangi dengan lampu... bukan main banyak sotong.

"Kegiatan itu (mencandat sotong) boleh menarik pelancong. Ini kerana saya pergi sendiri dan lihat bukan main banyak sotong di Langkawi dan dalam tempoh empat jam dapat sauk kira-kira lapan kilogram," katanya selepas melancarkan Program Kecemerlangan Sukan Remaja Emkay (PKSRE), di sini, semalam.

Hadir sama isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Pengerusi Kumpulan Syarikat Emkay, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar dan Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Datuk Abu Bakar Taib.

PKSRE di Langkawi membabitkan kira-kira 30 murid sekolah rendah itu adalah yang kedua dianjurkan MK Land Holding Bhd (MK Land) selepas kejayaan program sama di Taiping lebih tiga tahun lalu.

Dr Mahathir berkata, kegiatan mencandat sotong di perairan Pantai Chenang mampu membawa masuk lebih ramai pelancong Jepun ke pulau ini kerana penduduk negara itu gemar memakan haiwan itu.

Beliau yang mengilhamkan banyak projek pelancongan di pulau peranginan ini, berkata pihak yang terbabit dalam bidang pelancongan mungkin tidak berapa tahu macam mana untuk mengambil kesempatan yang ada di Langkawi ini.

Dr Mahathir, yang seronok bercerita tentang pengalamannya mencandat sotong itu berkata, bot kecil yang beliau naiki itu telah membawa pulang sebanyak lapan kilogram sotong.

Beliau berkata, banyak lagi daya tarikan seperti memberi makan burung helang, menerokai keindahan paya bakau serta menjejaki ikan lumba-lumba, boleh diadakan.

Menyentuh projek pembangunan di Telaga Harbour Park, di sini, katanya, tiga hotel masing-masing bertaraf enam, lima dan tiga bintang akan dibina oleh pihak swasta dalam masa terdekat.